



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## KENYATAAN MEDIA

### KEMPEN #CAKAPBAIKBAIK: 'MENCIPTA MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERADAB'

---

**KUALA LUMPUR, 23 Oktober 2023** – Dalam era digital yang semakin pesat ini, komunikasi melalui pelbagai platform media sosial telah menjadi sebahagian penting dalam kehidupan harian kita. Oleh itu, penting bagi kita untuk tidak mengabaikan **kepentingan nilai-nilai peradaban dalam berkomunikasi** dengan sesama manusia. Dalam usaha memupuk kebijaksanaan dalam pertuturan harian dan mendorong interaksi yang lebih beradab di Malaysia, **Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Kempen #cakapbaikbaik.**

Kempen ini bertujuan untuk **membina masyarakat Malaysia yang lebih beradab dengan menekankan pentingnya akhlak dan nilai moral dalam berinteraksi**, sama ada dalam dunia maya atau dunia nyata. Sebagai sebahagian daripada kempen ini, masyarakat Malaysia diseru untuk merenung kembali cara berinteraksi dalam kehidupan seharian kita.

Salah satu nilai utama dalam Kempen #cakapbaikbaik adalah **menghormati perbezaan pendapat dan pandangan**. Malaysia dikenali sebagai negara yang kaya dengan pelbagai budaya, agama, dan tradisi, dan oleh itu, adalah penting untuk memahami bahawa **setiap individu mempunyai pandangan yang berbeza**. Kita **boleh bersetuju untuk tidak bersetuju, tetapi perlu dilakukan dengan hormat dengan nilai peradaban yang tinggi.**

Sebelum berkongsi maklumat atau pendapat di media sosial atau dalam perbualan harian, adalah penting untuk berfikir tentang kesan sampingan yang mungkin berlaku. Kita perlu bertanggungjawab dalam **menyebarkan maklumat yang tepat dan memeriksa kesahihan sumber-sumber** yang digunakan. Komen-komen negatif dan penghinaan sering ditemui dalam dunia maya. Sebagai masyarakat yang beradab, kita perlu belajar untuk **tidak terlibat dalam perbalahan** yang tidak perlu. Sebaliknya, kita boleh memilih untuk tidak memberi respons atau **mengambil tindakan yang lebih positif** seperti melaporkan komen-komen yang tidak sopan.

YB Menteri Perpaduan Negara dalam satu kenyataan menyatakan bahawa Kempen #cakapbaikbaik juga menyeru masyarakat Malaysia untuk **menjadi contoh positif dalam cara berkomunikasi**. Memulakan perbualan yang bernas, memberi sokongan kepada orang lain, dan memahami perasaan individu lain adalah beberapa cara untuk memulakan langkah ini.

“Kempen ini menekankan bahawa walaupun teknologi semakin maju, **nilai-nilai asas seperti hormat-menghormati dan adab dalam berkomunikasi adalah aspek penting** dalam memastikan kita mempunyai masyarakat yang beradab dan harmoni. Walaupun mungkin kita tidak akan selalu bersetuju, kita boleh bersetuju untuk **menjaga cara kita berkomunikasi dengan baik,**” ujar YB Datuk Aaron.

Kempen #cakapbaikbaik adalah panggilan kepada semua masyarakat Malaysia untuk menjadi ejen perubahan dalam komuniti. Ia mengingatkan kita bahawa melalui percakapan yang baik, kita boleh **membina hubungan yang kukuh dan menjauhi konflik dan pergaduhan** yang tidak perlu. Mari bersama-sama membina masyarakat Malaysia yang lebih baik dan beradab.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

23 Oktober 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )